

## Dalam Negeri

# Satu sekolah menengah, satu bidang teknikal

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA dan  
NORUL AKMA MOHD. ZAIN  
utusannews@mediamulia.com.my

**BUKIT MERTAJAM:** Sekolah menengah harian disaran mewujudkan satu kursus teknikal bagi mengimbangi subjek akademik.

Lepasan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), Mohd. Shahrin Abdull Aziz, 39, berkata, ia perlu bagi memenuhi permintaan tinggi lulusan teknikal dan kemahiran dalam pasaran kerja.

Mohd. Shahrin yang pernah mengikuti Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1 dan 2 dalam bidang mekanik kenderaan di sebuah kolej swasta di sini berkata, khusus tersebut bagaimanapun tidak perlu terlalu mendalam seperti yang ditawarkan di kolej vokasional.

"Sekurang-kurangnya apabila pelajar-pelajar ini habis sekolah, mereka akan ada dua-dua iaitu pendidikan (akademik) dan kemahiran (teknikal).

"Bagi saya, subjek Kemahiran Hidup yang diajar di sekolah-sekolah menengah ketika ini tidak memadai kerana tidak diselitkan dengan kursus yang mendapat permintaan tinggi seperti asas binaan dan automotif," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Mohd. Shahrin berkata, sebagai lepasan TVET, pelajar juga tidak seharusnya terlalu memilih pekerjaan dan bersepadu untuk bermula dari bawah.

"Kalau gaji rendah untuk permulaan itu bagi saya tidak perlu dipertikaikan sebab majikan sendiri pun belum tahu tahap kemahiran pekerja mereka. Insya-Allah, lama-lama gaji itu akan naik," katanya.

Dalam pada itu, seorang lagi lepasan TVET Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) di sini, Abdul Malik Rafie, 30, turut berharap kursus teknikal dan kemahiran diperluaskan.

"Sekarang jika kita ada tahap akademik yang rendah tapi ada kemahiran (teknikal) yang tia-



MOHD. SHAHRIN ABDULL AZIZ

da pada orang lain, ramai orang perlukan khidmat kita.

"Saya nasihatkan kepada yang masih belajar supaya lengkapkan diri dengan kemahiran terutamanya dalam bidang teknikal kerana ia boleh menjamin masa depan," katanya yang kini bertugas sebagai kontraktor pendawaian elektrik.

Sementara itu, bekas pelajar

Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Bachok, Kelantan, Siti Rashima Mazlan, 33 berkata, kursus yang ditawarkan institusi tersebut menjamin kebolehpasaran pekerjaan yang berdaya saing.

Katanya, pelajar yang mengikuti kursus TVET akan diberi pendedahan secara menyeluruh dari segi praktikal dan teori oleh tenaga pengajar yang berpengalaman dan arif dalam bidang masing-masing.

"Saya mengambil kursus Sijil Lukisan Seni Bina sekitar tahun 2007 dan 2008. Tidak dinafikan sebelum ini pengetahuan dan kemahiran dalam mempelajari subjek tersebut tidaklah begitu meluas sehingga kami diberi pendedahan dengan menyeluruh mengenai subjek tersebut oleh tenaga pengajar yang berpengalaman dan berkelayakan.

"Malah, ada dalam kalangan kami (pelajar) kini sudahpun bergelar arkitek dan pelukis pelan," katanya.

**Lepasan TVET akui ditawarkan jawatan dan gaji yang lebih baik**

**SUNGAI PETANI:** Dua lulusan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) mengakui kemahiran dimiliki berjaya mengubah hidup mereka selepas gagal mencatat keputusan cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Kedua-duanya berbangga jawatan sebagai juruteknik menawarkan gaji lebih baik berbanding rakan lain yang memasuki alam pekerjaan bersandarkan sijil SPM.

Pemegang Diploma Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dari Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI), Muhammad Muhammin Basri, 26, berkata, dia tertekan selepas gagal mencatat keputusan cemerlang dalam SPM.

"Lama juga saya memikirkan arah tuju kerana beranggapan peluang hidup yang cerah tertutup sebaik memperoleh keputusan SPM.

"Namun selepas itu saya bangkit dan mula mendaftar ke JMTI pada 2015 dan Alhamdulillah selepas dua tahun belajar saya berjaya menggenggam diploma dalam bidang TVET," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Muhammad Muhammin yang kini berkhidmat di Malaysian NPK Fertilizer Sdn. Bhd. berkata, dengan diploma TVET dia tidak memunggu lama untuk mendapat pekerjaan dan kini mampu membeli rumah, kereta selain menabung.

Sementara itu, lepasan Kolej Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) yang mahu dikenali sebagai Halim, 28, berkata, dia terruja kerana kesungguhannya untuk memperolehi pendidikan dalam bidang TVET membawa hasil.

"Memang bidang TVET ini berpotensi luas untuk diceburi kerana industri berkaitan telah banyak terdapat di negara ini. Apa yang lebih penting memiliki sijil kemahiran telah memberi jaminan dari segi pekerjaan di samping mampu meraih pendapatan agak lumayan hingga mampu meneruskan hidup dalam keadaan selesa dan stabil," katanya.

## Sijil TVET bantu banduan mula hidup baharu

**MELAKA:** Banduan yang mengikuti Inisiatif Pensijilan Kemahiran Malaysia lebih bersedia dan yakin untuk memulakan kehidupan baharu sebaik selesai menjalani hukuman penjara.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penghuni Penjara Jasin yang mahu dikenali sebagai Iml, 37, berkata, dia menyertai program tersebut secara sukarela selepas tertarik dengan inisiatif oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dengan kerjasama Jabatan Penjara.

Katanya, dia kini mempunyai hala tuju jelas apabila bebas kelak kerana dijamin peluang pekerjaan bersama SWCorp.

"Saya mengambil Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam secara sukarela kerana memikirkan masa depan yang tidak pasti. Selepas menyertainya, saya tahu apa tujuan selepas bebas selain menguatkan azam untuk berubah."

"Saya juga lebih yakin dengan kehidupan baharu kerana telah dijamin dengan peker-



AKMAL NASRULLAH MOHD. NASIR BERSALAM DENGAN SALAH SEORANG PESERTA INISIATIF PENSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA DI KOMPLEKS PENJARA MELAKA, SUNGAI UDANG, MELAKA.

jaan. Jika warga asing di negara ini pun boleh mendapat pekerjaan, saya sebagai warganegara perlu ambil peluang ini untuk bekerja di negara sendiri.

"Saya berharap orang luar dapat terima kami semula dan pihak SWCorp dapat meneruskan program ini untuk penghuni lain pada masa akan datang,"

katanya ketika ditemui pada Program Sinar Di Sebalik Tirai Besi: Inisiatif Pensijilan Kemahiran Malaysia di sini.

Terdahulu, seramai 3,000 banduan akan dilatih dan diawalihkan SKM dalam bidang pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Akmal Nasrullah Mohd. Nasir berkata, peruntukan sebanyak RM1.57 juta disediakan untuk melaksanakan latihan kemahiran di 17 penjara terlibat pada tahun ini.

Sementara itu, banduan Penjara Sungai Udang yang mahu dikenali sebagai Razif, 26, berkata, ahli keluarganya tidak lagi bimbang dan runting memikirkan nasibnya selepas dibebaskan.

Menurutnya, sijil kemahiran yang diperolehi sangat berguna untuk mendapatkan pekerjaan.

"Keyakinan untuk keluar penjara lebih tinggi sebelum ini. Apabila saya ada sijil dan pekerjaan yang menanti, keluarga tidak lagi bimbang."

"Saya diajar cara pengurusan seperti menyapu sampah dan kebersihan longkang. Sebelum ini rasa kerja ini remeh tetapi setelah menyertai dan melihat cara pengurusan mereka, kerja ini sama seperti kerja profesional lain yang memerlukan sijil," katanya yang akan bebas lima bulan lagi.